

Ruj. Kami : MQA 07/Jld. 3 (85)

Tarikh : 4 Mac 2013

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2013 – PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM

- i. **STANDARD PROGRAM: UKUR BANGUNAN**
- ii. **STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN ISLAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan ikhtisas dan bukan ikhtisas yang berkenaan dengan program pengajian telah menggubal standard program bagi bidang ukur bangunan dan pengajian Islam yang akan menjadi panduan kepada PPT dalam penawaran program di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program.

3. Standard program ini merupakan keperluan minimum khusus bagi disiplin ukur bangunan dan pengajian Islam dalam penawaran program. Sehubungan dengan itu, semua PPT yang menawarkan program dalam disiplin yang berkaitan adalah tertakluk kepada penggunaan dokumen standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Walau bagaimanapun, PPT boleh menambah dengan elemen-elemen yang bersesuaian agar program yang ditawarkan selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

4. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 April 2013 sehingga 31 Mac 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 April 2013	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.• Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.• Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 April 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman juga, standard program ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044

No. Faks : 03-79569496

Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.

1. Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

4. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA